

04 JUN 2001

Maulidur-Sambutan/(Rangkuman)/
MAULIDUR RASUL DISAMBUT SEDERHANA

KUALA LUMPUR, 4 Jun (Bernama) -- Ribuan umat Islam berkumpul di setiap negeri di seluruh negara hari ini bagi menyambut Maulidur Rasul 1422 Hijrah.

Maulidur Rasul peringkat kebangsaan disambut sederhana oleh pelbagai lapisan masyarakat yang sama-sama berkumpul di Stadium Putra Bukit Jalil di sini hari ini.

Yang di-Pertuan Agong Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah berkenann merasmikan sambutan Maulidur Rasul tahun ini.

Turut hadir ialah Raja Permaisuri Agong Tuanku Siti Aishah, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan isteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan isteri Datin Seri Endon Mahmood.

Sambutan dimulakan dengan perarakan Maulidur Rasul pada pukul 8 pagi yang bermula di Stadium Hoki Bukit Jalil menuju ke Stadium Putra, yang diketuai oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin dan turut diiringi oleh beberapa menteri Kabinet yang lain.

Seramai 10 individu memenangi Anugerah Maulidur Rasul yang bertemakan "Perpaduan Pemangkin Pembangunan Ummah", berdasarkan pengorbanan dan sumbangan mereka yang tidak ternilai kepada kesejahteraan rakyat dan negara.

Setiap penerima anugerah menerima wang tunai RM2,000, seutas jam tangan, sijil dan buku terbitan Jakim.

Hadiah-hadiah disampaikan oleh Yang di-Pertuan Agong.

Di SEREMBAN, seramai 3,000 umat Islam menyertai sambutan peringkat negeri yang dirasmikan oleh Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tuanku Ja'afar di Padang Majlis Perbandaran Seremban (MPS).

Semasa bertitah baginda mahukan umat Islam menghindari sifat-sifat buruk yang boleh membawa kepada permusuhan dan persengketaan antara mereka.

Turut hadir pada majlis itu ialah Datuk Undang Yang Empat, Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad serta anggota Exco kerajaan negeri.

Di KOTA BAHARU, sambutan Maulidur Rasul diadakan secara sederhana. Semua masjid mengadakan solat hajat diikuti dengan majlis tahlil, malam tadi.

Sesetengah masjid pula mengadakan ceramah agama yang disampaikan oleh penceramah-penceramah jemputan bagi mengingatkan sejarah kegemilangan Islam di zaman Rasulullah SAW.

Di KUANTAN, sambutan peringkat negeri diadakan di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah.

Sultan Pahang Sultan Haji Ahmad Shah dalam titah ucapannya meminta umat Islam kembali kepada ajaran Islam berlandaskan Al-Quran dan Sunnah bagi mengembalikan semula kegemilangan zaman Islam.

Titah baginda, umat Islam perlu mencontohi keperibadian Rasulullah dan para sahabat, dengan mempraktikkan keperibadian mereka dalam tugasan dan pekerjaan harian.

Turut hadir pada majlis yang dihadiri kira-kira 2,000 orang itu ialah Sultanah Pahang Sultanah Hajjah Kalsom, Tengku Mahkota Pahang Tengku Abdullah dan Menteri Besar Datuk Seri Adnan Yaakob.

Di ALOR SETAR, sambutan peringkat negeri diadakan di Masjid Titi Baru, Kepala Batas, malam tadi.

Sultan Kedah, Sultanah, Raja Muda, Menteri Besar Datuk Seri Syed Razak Syed Zain, para anggota Exco kerajaan negeri, pegawai kerajaan serta

kira-kira 1,000 orang menghadiri sambutan berkenaan.

Pada majlis itu Sultan bertitah supaya umat Islam berpegang teguh kepada ajaran Al-Quran dan sunnah supaya masalah sosial dapat dihindari.

Sementara itu, Universiti Utara Malaysia (UUM), Sintok tidak ketinggalan mengadakan sambutan yang diketuai Naib Canselor Prof Datuk Dr Ahmad Fawzi Mohd Basri.

Ketua Penolong Pendaftar (Perhubungan Awam) UUM Mohd Zaini Nasri berkata seramai 5,000 orang yang terdiri daripada pelajar dan staf, termasuk 300 pelajar bukan Islam mengambil bahagian dalam perhimpunan dan perarakan di kampus itu, dari Kompleks Sukan ke Masjid Sultan Badlishah, sejauh 3.5 km.

Di BINTULU, kemesraan dan perpaduan di antara pelbagai kaum di Sarawak hendaklah dikekalkan bagi menjamin kesinambungan pembangunan ekonomi negeri dalam era globalisasi, kata Yang Dipertua Negeri Tun Abang Muhammad Salahuddin.

Beliau berkata penekanan ke atas mengamalkan semangat toleransi antara satu sama lain bukan sahaja untuk generasi masa kini malah generasi masa depan juga, bagi menjamin keamanan berterusan.

Dalam ucapan pada majlis yang sama, Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud menggariskan beberapa bidang yang mampu menjulang imej Islam di mata dunia jika tumpuan lebih diberikan.

Taib berkata, bidang-bidang tersebut ialah ekonomi, pendidikan dan sains yang boleh membawa mana-mana negara sekalipun di dunia ini lebih ke hadapan, jika ianya mendapat sokongan padu semua peringkat.

Taib juga meminta umat Islam supaya melupakan segala pergeseran yang berlaku memandangkan ia akan merugikan umat Islam sendiri, jika terlalu memikirkan tentang kepentingan diri.

Di IPOH, sambutan di peringkat negeri Perak bermula pada pukul 8.45 pagi tadi yang dihadiri kira-kira 2,000 orang.

Majlis tersebut turut dihadiri oleh Sultan Perak Sultan Azlan Shah, Raja Permaisuri Tuanku Bainun, Raja Muda Raja Nazrin Shah dan Menteri Besar Datuk Seri Tajol Rosli Ghazali.

Majlis dimulakan dengan bacaan ayat-ayat suci Al-Quran oleh Johan Qari Tilawah Al-Quran Peringkat Antarabangsa tahun 2000, Radzi Kamarul Hailan.

Selepas titah ucapan Sultan dan Menteri Besar, diadakan pula bacaan Selawat oleh Kumpulan Selawat Masjid Sultan Idris Shah II (Masjid Negeri) yang diikuti dengan ceramah Maulidur Rasul oleh Mufti Perak Datuk Seri Harussani Zakaria sebelum diakhiri dengan persembahan nasyid.

Di KUALA TERENGGANU, Sultan Terengganu Sultan Mizan Zainal Abidin menyertai sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri yang diadakan di Kompleks Seri Iman.

Semasa bertitah, baginda menyeru umat Islam supaya bersatu sekiranya mereka ingin menjadi suatu kuasa yang disegani dan diagungkan sebagaimana yang berlaku di zaman Rasulullah.

Titah baginda, masalah utama yang dihadapi oleh umat Islam pada masa ini ialah kelemahan dan kemunduran yang berpunca daripada perpecahan dan persengketaan sesama sendiri.

Baginda turut mengajak umat Islam sedar bahawa perhimpunan sambutan Maulidur Rasul yang diadakan setiap tahun bukanlah semata-mata untuk mengetahui riwayat hidup Rasulullah.

"Namun apa yang lebih penting ialah kita perlulah sama-sama mengambil iktibar dan pengajaran daripada sunnah yang telah dibawa oleh Rasulullah," titahnya.

Hadir sama pada majlis itu ialah Menteri Besar Abdul Hadi Awang, anggota Exco kerajaan negeri dan pegawai-pegawai kanan kerajaan.

Di KOTA KINABALU, Yang Dipertua Negeri Tun Sakaran Dandai mengajak umat Islam di negeri itu supaya menjadikan sambutan Maulidur Rasul sebagai

penyuntik iltizam untuk melipatgandakan usaha melaksanakan sunnah Rasulullah demi menjamin kehidupan sempurna dunia dan akhirat.

Ketika berucap pada sambutan peringkat negeri di Dewan Saadah Wisma Muis di sini, beliau berkata amalan hidup bermuafakat, bersatu padu dan bertoleransi di kalangan umat Islam turut menyumbang kepada usaha menyatupadukan ummah.

Beliau berkata sejajar dengan tema sambutan tahun ini, "Perpaduan Pemangkin Pembangunan Ummah", umat Islam harus sentiasa menghayati hidup bersatu padu dan rukun.

Timbalan Ketua Menteri Datuk Lajim Ukin dalam ucapannya turut menggesa umat Islam di negeri itu memperkuat azam untuk bersatu dan menghindarkan persengketaan.

Katanya, prinsip hidup positif di samping membina semangat kasih sayang sesama umat harus dipertingkatkan sebagai benteng kekuatan menentang dakwah yang boleh menjejaskan usaha untuk mencapai kemajuan.

Di MELAKA, kira-kira 4,000 umat Islam mengadakan perarakan sempena sambutan itu dengan diketuai oleh Yang Dipertua Negeri Tun Syed Ahmad Shahabudin.

Perarakan sejauh tiga kilometer bermula dari Sekolah Sultan Muhammad di Batu Berendam dekat sini dan berakhir di Kompleks Al-Azim, Bukit Palah.

Turut hadir ialah Ketua Menteri Datuk Wira Mohd Ali Rustam serta anggota Exco kerajaan negeri.

Peserta perarakan terdiri daripada 73 kontingen mewakili jabatan dan agensi kerajaan, sektor swasta, persatuan belia, pelajar institusi pengajian tinggi, sekolah-sekolah, pertubuhan bukan kerajaan dan badan sukarela

Satu ekspo perdagangan Islam sempena sambutan Maulidur Rasul turut diadakan di kompleks itu.

Di JOHOR, umat Islam diseru mendalami dan mengamalkan ajaran Islam supaya mereka boleh hidup bahagia di dunia dan akhirat, titah Sultan Johor pada sambutan Maulidur Rasul peringkat negeri yang diadakan di Masjid Sultan Abu Bakar di sini.

Titah baginda, rakyat Johor yang beragama Islam khususnya perlu menjadikan ajaran Islam sebagai panduan hidup.

Yang turut hadir ialah Tunku Mahkota Johor, Tunku Bendahara, kaum kerabat Diraja, Menteri Besar Datuk Abdul Ghani Othman dan anggota Exco Kerajaan Negeri yang beragama Islam serta kira-kira 5,000 orang menghadiri sambutan berkenaan.

--BERNAMA

BH RI